



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM.KP.KUPSM/027
Tarikh : 09 Februari 2024

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi tahun 2024 telah ditetapkan seperti dalam jadual di LAMPIRAN A. Peperiksaan perkhidmatan ini dilaksanakan sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi Gred KP11 serta semua skim perkhidmatan Gred 19 dan ke atas.

3. Peperiksaan perkhidmatan ini diadakan satu (1) kali setahun dan dilaksanakan secara *open-book*. Kelas panduan akan disediakan untuk pegawai dan pekhidmat yang terlibat sebelum peperiksaan berlangsung. Dilampirkan bersama kenyataan ini adalah sukatan peperiksaan perkhidmatan terkini mengikut gred perkhidmatan sebagai rujukan pegawai dan pekhidmat LGM.

4. Sehubungan dengan itu, pegawai dan pekhidmat yang ingin menduduki peperiksaan perkhidmatan bagi tahun 2024 hendaklah memajukan permohonan kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM) dalam tempoh yang ditetapkan iaitu selewat-lewatnya pada **23 Februari 2024 (Jumaat)** dengan menggunakan borang permohonan yang disediakan. Borang yang telah lengkap hendaklah dihantar ke UPSM di alamat berikut:

**Unit Pembangunan Sumber Manusia,
Lembaga Getah Malaysia,
Tingkat 3, Bangunan Getah Asli (Menara),
148 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur**

5. Borang permohonan boleh juga dimuat turun dari portal UPSM melalui pautan <http://www3.lgm.gov.my/upsm>. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada ketetapan tarikh peperiksaan perkhidmatan yang telah diumumkan ini, tuan/puan akan dimaklumkan kemudian.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

Saya yang menjalankan amanah,

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

**JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
TAHUN 2024**

BIL.	TARIKH	NAMA PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TEMPAT
1.	26 Jun 2024 (Rabu)	Peperiksaan Perkhidmatan Gred 29 dan ke Atas	23 Februari 2024 (Jumaat)	Dewan Persidangan, Tingkat 1, Bangunan Getah Asli (BGA) 148, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
2.	27 Jun 2024 (Khamis)	Peperiksaan Perkhidmatan Gred KP11 dan Gred 19		

PANDUAN PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang peperiksaan yang boleh diperolehi dari portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsm>
2. Calon-calon digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
3. Calon-calon yang tidak mendaftar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
4. Calon-calon hendaklah **MEMBAWA KAD PENGENALAN** ketika menghadiri peperiksaan.
5. Calon-calon **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN PEJABAT SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN**. Ketua Pengawas boleh menghalang calon-calon daripada menduduki peperiksaan sekiranya tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.